

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 14.08.2025 MASA: 5.00PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**  
**ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI**  
**KOMUNITI**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**17 OGOS 2025 (AHAD)**  
**9.30 PAGI**

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' KAILAN**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

## **Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

- 1. Yang Dihormati Encik Zainuddin Bin Mohamed**  
Ahli Majlis MBSP Merangkap Penyelaras Bersama Program  
MBSP Santuni Komuniti
  - 2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 3. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 4. Yang Berusaha TPr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul**  
Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras  
Program MBSP Santuni Komuniti
  - 5. Yang Berusaha Puan Noor Lila Bt Zakaria**  
Pengetua SMK Dato' Kailan & Guru-Guru SMK Dato' Kailan
  6. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai
  7. Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik
  8. Rakan-Rakan Media
  9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian
- .....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia  
MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin, rahmat dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam suasana harmoni dan penuh muafakat bagi menjayakan **Program MBSP Santuni Komuniti** di SMK Dato' Kailan ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan sumbangan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program ini, khususnya kepada Encik Zainuddin bin Mohamed; Ahli Majlis MBSP, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, pihak sekolah serta komuniti tempatan yang hadir pada pagi ini. Kehadiran serta kerjasama padu daripada tuan-tuan dan puan-puan menjadi bukti nyata bahawa semangat perpaduan dan kebersamaan adalah tunjang kepada kejayaan inisiatif ini.
3. Program MBSP Santuni Komuniti merupakan platform inklusif yang mendekatkan pihak berkuasa tempatan dengan masyarakat. Tahun 2025 menyaksikan inisiatif ini menjadi agenda berterusan MBSP dengan objektif:

- (a) Pertama, memupuk semangat kebersamaan dan rasa memiliki terhadap pembangunan komuniti setempat.
  - (b) Kedua, memperkukuh jaringan kerjasama erat antara MBSP, MPKK, agensi kerajaan, swasta dan warga tempatan.
  - (c) Ketiga, mengukuhkan keharmonian masyarakat berbilang kaum melalui aktiviti bersama yang menyemai persefahaman dan hormat-menghormati.
  - (d) Keempat, mempertingkatkan kesejahteraan sosial melalui pameran perkhidmatan, pemeriksaan kesihatan, aktiviti kesukanan, pendidikan dan kesedaran awam.
4. Pada hari ini, kita berpeluang menyaksikan lebih daripada 700 penduduk setempat mengambil bahagian dalam pelbagai acara menarik seperti sukaneka, *street soccer*, tarik tali, pertandingan hiasan pulut kuning dan tuala, pertandingan memasak aneka kerabu, bengkel tebar roti canai, aktiviti mewarna, demonstrasi memasak, *E-sport*, permainan PS5, teka kacang, pemeriksaan kesihatan, latihan CPR, jualan Rahmah MADANI serta derma darah. Malah, aktiviti santai seperti bicara bersama Ahli Majlis MBSP turut memberi peluang kepada masyarakat untuk memahami peranan dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan.
5. MBSP percaya bahawa kemajuan sesebuah bandaraya bukan sahaja diukur melalui pembangunan fizikal semata-mata, tetapi juga melalui

pengukuhan modal insan, semangat kesukarelawanan dan keterlibatan komuniti secara aktif. Justeru, inisiatif seperti ini adalah medan terbaik untuk membina masyarakat yang progresif, berdaya saing dan berdaya tahan selaras dengan visi *Penang2030* dan aspirasi *Malaysia MADANI*

6. Harapan saya agar momentum yang terhasil daripada Program MBSP Santuni Komuniti ini akan terus mekar, menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif kerjasama di masa hadapan, seterusnya memperkukuh hubungan antara MBSP dan warga Seberang Perai. Semoga nilai kebersamaan, kepedulian dan perpaduan yang kita semai hari ini menjadi warisan untuk generasi akan datang.
7. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program MBSP Santuni Komuniti** di SMK Dato' Kailan, pada pagi ini. Semoga penganjuran program ini menjadi sinar perpaduan serta kesejahteraan yang berterusan kepada seluruh warga Seberang Perai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***